

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**
RUJUKAN : **BL13 [PR-1361-T02033]**
SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan keluasan tapak tanah milikan Kerajaan di Kuala Lumpur yang telah dijual oleh DBKL daripada tahun Jun 2013 hingga Disember 2017. Berapa pendapatan telah diterima oleh DBKL melalui penjualan tanah Kerajaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh, seperti yang diterangkan sebelum ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hanya menguruskan penjualan yang melibatkan tanah milik DBKL sahaja.

Sejak Jun 2013 hingga Disember 2017, sebanyak 61 lot tanah telah dijual dengan harga jualan yang diperolehi adalah sebanyak RM 4.269 billion.

SOALAN : 484

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)

RUJUKAN : 10705

SOALAN :

PR-1361-T02034

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan dan jantina PATI Indonesia yang telah mengikuti program pemulangan sukarela di bawah Iman Resources sejak agensi ini ditubuhkan.

208

JAWAPAN:

**STATISTIK PENGHANTARAN PULANG PATI MENGIKUT
WARGANEGARA INDONESIA (IMAN RESOURCES)**

2015	32,222	32,206	64,428
2016	40,082	38,294	78,376
2017	44,022	36,095	80,117
2018 (hingga Januari)	2,507	2,024	4,531

SOALAN : 485

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)

RUJUKAN : 10706

SOALAN :

PR-1361-T02035

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pecahan pekerja asing yang berdaftar dengan Kerajaan mengikut negara. Nyatakan bilangan pembantu rumah yang diambil oleh majikan melalui "Maid Online" sejak ia dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini secara bersekali dengan empat (4) soalan lain yang turut membincangkan isu yang sama berkenaan Pengambilan Pembantu Rumah Asing Secara online Melalui Sistem Maid Online (SMO) oleh:

- i. YB Dato' Sri Hasan bin Malek (Kuala Pilah) pada 7 Mac 2018;**
- ii. YB Tuan Su Keong Siong (Ipoh Timur) pada 15 Mac 2018;**
- iii. YB Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh (Sabak Bernam) pada 20 Mac 2018; dan**
- iv. YB Tuan Dr. Mansor Abd Rahman (Sik) pada 4 April 2018.**

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 telah mengumumkan satu mekanisme untuk membenarkan pengambilan Pembantu Rumah Asing (PRA) secara online oleh majikan daripada sembilan (9) buah negara sumber yang dibenarkan. Hal ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan yang sentiasa mencari kaedah atau inisiatif terbaik bagi membantu rakyat dalam urusan pengambilan PRA.

Permohonan PRA secara online boleh membantu menjimatkan dan meringankan beban isi rumah yang amat memerlukan PRA memandangkan kos yang dikenakan oleh Kerajaan adalah amat berpatutan berbanding kos sedia ada melalui ejen-ejen PRA sekarang. Pada masa ini kos pengambilan PRA melalui ejen yang dikenakan mencecah sekitar RM12,000.00 sehingga RM18,000.00.

Melalui Sistem ini, majikan hanya perlu membayar sebanyak RM1,635.00 sehingga RM2,535.00 bagi kos bayaran wajib merangkumi levi, pertukaran pas, wang cagaran, pemprosesan dan bayaran kompaun bagi pemegang Pas Lawatan Sosial (PLS) yang tinggal lebih masa. Pengambilan PRA secara atas talian ini telah dibuat mulai tahun 2018.

Saya ingin menyebutkan di Dewan yang mulia ini bahawa para pengguna yang telah melayari ke laman portal SMO adalah seramai 543,460 orang, majikan yang berjaya log in seramai 10,604 orang dan pembantu rumah asing yang didaftarkan adalah seramai 1,903 orang. Permohonan pembantu rumah asing yang layak ke FOMEMA adalah seramai 1,485 orang. Ertinya, program ini sangat berjaya dan sangat meringankan beban para majikan terutamanya keluarga muda yang terpaksa menanggung kos yang tinggi bagi memperoleh pembantu rumah asing.